

Ikrar BN teruskan khidmat cemerlang

KUALA LUMPUR, 25 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Piagam Barisan Nasional dan Perisytiharan Rakyat adalah ikrar untuk meneruskan khidmat cemerlang kepada rakyat.

Katanya, piagam itu juga bertujuan memperingatkan BN bahawa perkhidmatan cemerlang yang diberikan sebelum ini merupakan faktor utama rakyat terus menyokong gabungan itu sehingga sekarang.

“Perkara itu amat penting untuk mengelakkan BN daripada menjadi angkuh dengan sokongan dan kuasa yang dipegang sejak kira-kira 40 tahun lepas,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Piagam BN dan Perisytiharan Rakyat itu dibentangkan di konvensyen tersebut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN mengingatkan anggota parti-parti komponen BN yang berhasrat bertanding pada pilihanraya kali ini supaya berfikir semula jika mereka mempunyai niat selain daripada memberi perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

“Jangan marah kalau tidak terpilih sebagai calon,” katanya.

Perdana Menteri berkata sungguhpun piagam itu bertujuan memberitahu rakyat perjuangan BN, yang lebih penting ialah BN sendiri ingat akan tanggungjawabnya dan pemimpinnya meneruskan perjuangan parti dengan penuh dedikasi.

“Rakyat menyokong hanya kerana kita berkhidmat kepada rakyat bukan semata-mata kerana kita adalah kita.

“Oleh itu jangan lupa kepada piagam. Ia ikrar BN untuk membawa kemajuan di negara kita,” katanya.

Dr. Mahathir mengingati

orang yang tidak wakili mana-mana parti komponen bertanding sebagai calon BN pada pilihanraya, Perdana Menteri berkata parti itu akan menyemak undang-undang sama ada ia boleh dilaksanakan.

Dr. Mahathir, pada temubual yang disiarkan dalam buku cendera mata Konvensyen BN, menyebut mengenai kemungkinan berkenaan tetapi menyatakan bahawa keputusan belum dibuat sama ada perubahan itu akan dilaksanakan pada pilihanraya akan datang.

Perdana Menteri hari ini menjelaskan bahawa perubahan itu merupakan ujian BN untuk mengetahui sokongan terhadap calon BN, bukan seperti sokongan yang diperolehi sebelum ini terhadap calon daripada parti-parti komponen dalam pilihanraya.

“Ujian ini akan menentukan masa depan BN,” katanya, yang pada awal ucapannya mengupas mengenai sistem dua parti, sistem pelbagai parti dan sistem parti gabungan yang diamalkan BN, dalam konteks pemerintahan demokrasi.

Dr. Mahathir berkata, calon terbabit mempunyai pilihan memilih menyertai mana-mana parti komponen selepas pilihanraya.

kan anggota keluarga BN supaya mengelak daripada perkelahian terutama ketika menghadapi pilihanraya.

“Saya ingin meminta kepada semua anggota BN, bila sudah ditentukan calon, jangan ada soalan lagi,” katanya.

Mengenai kemungkinan